

23/07/1997

Salam Malaysia zahirkan syukur

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata Yayasan Salam, yang akan membawa putera puteri Malaysia berkhidmat secara sukarela ke seluruh dunia, adalah satu penzahiran kesyukuran terhadap pencapaian dan pembangunan ekonomi negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata tiada cara lebih baik untuk menzahirkan kesyukuran daripada menabur bakti kepada mereka yang kurang beruntung dan menolong bangsa lain yang menghadapi nasib yang dulunya pernah dialami Malaysia.

"Kesyukuran itu harus disusul dengan tindakan dan amal kebajikan serta tidak ada cara yang lebih baik untuk kita menzahirkan kesyukuran kepada Allah daripada menabur bakti kepada masyarakat di dalam dan di luar negara yang memerlukan bimbingan, bantuan dan pertolongan.

"Mereka adalah masyarakat yang masih daif yang pernah kita lalui dulu, masyarakat yang memerlukan bantuan yang pernah kita sendiri terima dulu," katanya ketika melancarkan Yayasan Salam di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Pada majlis itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan menyampaikan anugerah pengiktirafan kesukarelawan kepada lima tokoh di samping menerima sumbangan RM7.2 juta daripada tokoh korporat.

Sejak diumumkan Mei lalu, yayasan itu mempunyai lebih 1,000 ahli profesional dalam pelbagai bidang seperti guru, doktor dan peguam.

Beliau berkata khidmat sukarelawan yang jujur dan ikhlas yang digembleng melalui Yayasan Salam juga akan menjelmakan semangat dan jiwa kembara generasi muda Malaysia untuk kesejahteraan sejagat.

Katanya, Yayasan Salam akan menjadi landasan yang bakal menggerakkan cita-cita murni itu ke arah kejayaan.

"Masa untuk berleter dan merintih mengenai nasib dan kerenah generasi muda sepatutnya sudah berlalu. Daripada heretan dan hukuman, mari kita jelmakan semangat dan jiwa kembara di kalangan golongan generasi muda," katanya.

Menurutnya, walaupun pelbagai kisah negatif didendang mengenai generasi muda, hakikat yang mesti diterima ialah ratusan ribu anak muda turut terbabit dalam pelbagai kegiatan sukarela, kebajikan pelajar, belia, khidmat sosial dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pemangku Perdana Menteri mengesyorkan khidmat bakti itu dihebahkan supaya pendedahan dan pengalaman generasi muda terbabit dapat ditimba masyarakat umum.

"Kita sebenarnya tidak kurang semangat ini seperti dibuktikan melalui gotong-royong atau membantu kariah masjid. Untuk itu, kita perlu beralih kepada kegiatan lebih canggih supaya semangat itu dapat ditonjolkan di dalam dan luar negara," katanya.

Anwar berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menaikkan imej Malaysia sebagai negara yang prihatin terhadap nasib masyarakat antarabangsa sehingga muncul sebagai negara berani bersuara dan memperjuang nasib golongan teraniaya serta tertindas.

"Oleh itu, Yayasan Salam membolehkan agenda serta langkah positif Perdana Menteri diteruskan dengan menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat yang memerlukan pembelaan," katanya.

Menurutnya, melalui pembabitan dalam yayasan itu, generasi muda yang dibawa ke serata dunia itu akan meringankan derita dan duka nestapa masyarakat luar terbabit di samping turut mencerahkan masa depan mereka

sendiri.

Melalui perkhidmatan seperti di Indochina, Afrika, Amerika Latin, Fiji, Papua New Guinea, katanya, generasi muda dapat membawa 'salam' negara ini ke seluruh dunia dan bukan mendapat habuan serta memupuk ideologi Malaysia.

Terdahulu, Anwar berkata, kerja sukarela itu bukan satu paksaan seperti yang ditonjolkan melalui perjuangan generasi lama yang memperjuang kemerdekaan atas kehendak mereka sendiri.

(END)